

19 JUL 2003

Syed Hamid-Air

RUNDINGAN AIR MASIH TERBUKA TAPI S'PURA PERLU POSITIF

YAN, 19 Julai (Bernama) -- Malaysia tidak pernah menutup pintu perbincangan berhubung isu air dengan Singapura walaupun negara itu telah membuat pelbagai tuduhan dalam hal berkenaan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau berkata perundingan masih boleh diteruskan tetapi Singapura perlulah bersikap jujur dan ikhlas dalam mencapai jalan penyelesaian serta persetujuan yang objektif dan tidak lagi melemparkan pelbagai tuduhan.

"Kita tidak pernah tutup pintu perundingan cuma kita hentikan perbincangan setelah melihat negara itu tidak jujur dalam mencari jalan persetujuan dan mereka pula telah membari gambaran bahawa negara ini berniat jahat dalam isu berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis taklimat Skim Kredit Mikro anjuran Biro Ekonomi Umno Bahagian Yan di sini.

Mengenai reaksi Singapura terhadap langkah Malaysia menyiarkan iklan di dalam akhbar tempatan, Syed Hamid berkata rakyat negara itu telah mendapat gambaran yang sebenar tentang perundingan isu air berkenaan.

Selama ini mereka hanya mendengar alasan-alasan yang dikemukakan kerajaan negara mereka dan sekarang mereka mempunyai fakta yang lengkap dan jelas dari pihak Malaysia, katanya.

"Di Singapura mereka juga dapat membaca iklan yang disiarkan dalam akhbar negara ini. Di pihak rakyat negara ini pula, kerajaan mendapati mereka sangat positif dan memahami apa yang telah dilakukan kerajaan dalam menangani hal itu," katanya.

Syed Hamid berkata iklan itu serta buku kecil yang bakal diterbitkan selepas ini, adalah penjelasan secara fakta dan bukan bersifat retorik serta emosi.

Beliau berkata penyiaran iklan itu tepat pada masanya kerana negara ini sudah tidak berminat untuk "berdebat" dengan kerajaan Singapura dalam hal yang faktanya diputarbelit dan mengelirukan, jadi biarlah rakyat mendapat sendiri fakta berkenaan dan membuat penilaian.

"Perkara itu perlu kita jelaskan kepada rakyat sebab itu kita buat dalam bentuk iklan, bentangkan fakta dan terpulang kepada rakyat untuk membuat penghakiman fakta yang kita bentangkan," katanya.

Mengenai pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan rakan sejawatannya dari Thailand Thaksin Shinawatra di Langkawi pada 27 dan 28 Julai ini, Syed Hamid berkata pelbagai perkara berkenaan hubungan dua negara berjiran itu akan dibincangkan pada pertemuan tahunan dua pemimpin itu.

Katanya perbincangan juga merangkumi bidang kerjasama dua hala seperti pertanian, perikanan dan pelancongan, sempadan kedua-dua negara dan perdagangan.

"Itu adalah pertemuan tahunan antara Perdana Menteri kedua-dua negara yang bertujuan merapatkan hubungan. Tahun lepas pertemuan itu diadakan di Thailand, dan tahun ini giliran Malaysia.

"Pertemuan tahunan itu juga diadakan dengan pemimpin negara Asean lain seperti Brunei dan Indonesia," katanya.

-- BERNAMA

MZM RON